

18 DEC 1996

Negara - bahas

KEMELUT POLITIK DI KELANTAN DISENTUH PADA SIDANG DEWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Kemelut politik di Kelantan ditimbulkan di Dewan Negara hari ini oleh Senator Datuk Ibrahim Ali semasa membahaskan Belanjawan 1997.

Sebagai anak Kelantan, Ibrahim berkata beliau bertanggungjawab memberi gambaran sebenar mengenai pergolakan yang berlaku antara kerajaan negeri pimpinan PAS dengan istana Kelantan yang disifatkannya sebagai kian meruncing.

Perbahasan beliau mengenai perkara itu selama kira-kira setengah jam ditegur oleh Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaacob yang meminta Ibrahim meringkaskan perbahasannya.

Ini kerana ramai lagi anggota dewan yang ingin membahaskan rang undang-undang itu yang ditetapkan dua hari masa perbahasan. Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan membentangkan rang undang-undang itu.

Ibrahim kemudian berkata, "Di Dewan Rakyat, pembangkang mengambil kesempatan semasa perbahasan Belanjawan untuk berkata apa sahaja ... sampai atas langit."

Mohamed kemudian menyambut, "itu tidak boleh Yang Berhormat," dan Ibrahim kemudiannya meminta sedikit masa lagi untuk meneruskan perbahasannya.

Ketika menyentuh mengenai dakwaan kerajaan Pas terhadap Sultan Kelantan yang enggan bersua muka dengan Menteri Besar Datuk Nik Aziz Nik Mat di dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja baru-baru ini, Ibrahim berkata beliau ingin mendapatkan penjelasan mengenai mesyuarat itu.

"Isu yang berbangkit ialah mengenai pengiring atau penasihat kepada seseorang Raja apabila menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu dan pada mesyuarat baru-baru ini, Sultan Kelantan tidak dapat menyertainya kerana timbul masalah pengiring yang merupakan penasihat kepada Sultan," katanya yang menyokong Belanjawan itu.

Senator Datuk Rahim Baba semasa perbahasan mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menterjemahkan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan sebuah kampus dibina yang menempatkan sekolah Cina, sekolah India selain sekolah kebangsaan.

"Kita kena berani menerima perubahan yang mana cadangan itu dapat mengintegrasikan pelbagai kaum," katanya.

Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan memikirkan cara paling baik merapatkan jurang tabungan dengan pelaburan.

Ini kerana jumlah tabungan dalam negara masih tidak dapat membiayai pelaburan yang akan dibuat di dalam mahupun di luar negeri, katanya.

Senator Datuk Johan Ghani meminta kerajaan mengutamakan Sabah dalam pemberian pinjaman melalui tabung khas pelancongan kerana negeri itu mempunyai potensi dalam industri pelancongan.

Senator Hajah Zaleha Hussin pula mencadangkan supaya kerajaan dan pertubuhan sukarela mengadakan kursus keibubapaan kepada pasangan yang akan berkahwin memandangkan meningkatnya masalah sosial seperti penderaan anak, buang bayi dan rogol.

Senator Frankie Chong Yu Chee pula mencadangkan supaya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengkaji semula untuk mengurangkan cukai jalan di Sabah memandangkan terdapat jalan di negeri itu begitu teruk dan tidak berturap.

Beliau berkata sepatutnya jalan-jalan di bawah pengawasan Kerajaan

Persekutuan diturap sepenuhnya.

Senator Marimuthu Nadeson pula mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa bagi memilih mereka yang benar-benar layak memiliki rumah kos rendah.

Senator Datin Hajah Wan Intan Tajudin, yang menyentuh mengenai kebajikan guru-guru, meminta Kementerian Pendidikan mengkaji semula skim gaji guru yang dianggapnya masih rendah.

Katanya, tugas guru yang mencorakkan generasi masa depan merupakan tugas berat dan kerja mereka itu tidak boleh disamakan dengan kakitangan perkhidmatan awam yang lain.

Senator M.G Pandithan pula yang banyak memperkatakan mengenai sistem perundangan di negara ini mencadangkan supaya kerajaan menyusun semula sistem undang-undang untuk mengurus pertambahan keperluan kepakaran dalam pelbagai bidang undang-undang.

"Mungkin majistret-majistret perlu mempunyai sekurang-kurangnya tujuh tahun praktis undang-undang di dalam sesuatu bidang undang-undang yang khusus," katanya.

Senator Datuk Dr T.Marimuthu pula berharap kerajaan mengkaji semula cadangan menswastakan hospital-hospital kerajaan kerana kluatir selepas penswastaaan nanti, kos rawatan yang akan dikenakan membebaskan golongan berpendapatan rendah.

Walaupun kerajaan bercadang untuk mewujudkan insurans kesihatan apabila diswastakan tetapi tidak semua golongan berkenaan mampu untuk membeli insurans itu, katanya.

"Keadaan ini akan membebaskan golongan berpendapatan rendah dan mereka mungkin tidak mendapat rawatan yang sempurna," kata beliau.

Beliau berkata kerajaan perlu menjalankan kajian terperinci sebelum melaksanakannya dengan mengadakan dialog di antara kementerian dengan golongan profesional supaya tidak timbul masalah jika cadangan itu menjadi kenyataan.

Marimuthu juga berharap kerajaan dapat mengambillalih klinik-klinik desa yang terdapat di estet-estet serta menaikkan taraf klinik itu menjadi pusat kesihatan.

Dewan Negara disambung esok. -- BERNAMA

NZ ERE AKD